



**TAHNIAH KERANA  
HADIR!  
ANDA HEBAT!**



**PENDIDIKAN JASMANI TAHUN 4**

# **PERMAINAN MATA ANGIN**

**12 MINGGU BERSAMA CIKGU VIANNEY  
EPISOD 9**

**KHAMIS  
1000-1030  
GOOGLE MEET**



# Standard Pembelajaran

## 1.14.4

Bermain permainan tradisional iaitu Ting-ting Gula Batu dan Laga Ayam.

## 2.14.3

Memberi justifikasi strategi yang sesuai digunakan dalam permainan Ting-ting Gula Batu dan Laga Ayam.

# PERMAINAN TING-TING GULA BATU

- Dimainkan di kawasan yang rata.
- Pemain menyilangkan kaki dengan rakan dalam bentuk bulatan dan saling membelakangi.
- Pemain perlu melompat dengan sebelah kaki sambil bertepuk tangan dan menyanyikan lagu Ting-Ting Gula Batu.

# CARA BERMAIN TING-TING GULA BATU



- Pemain hendaklah bersedia dalam bulatan di kawasan yang disediakan.
- Seorang pengadil akan berada di luar kawasan.
- Pemain hendaklah mengangkat 1 kaki ke belakang dan disilangkan dengan kaki pemain lain.
- Setelah pemain bersedia, pengadil akan memberikan isyarat.
- Menyanyikan lagu sambil bertepuk tangan dan berpusing.
- Pemain yang kakinya terjatuh dahulu dikira kalah.
- Pemain yang bertahan dikira pemenang.
- **Tips menang:** depangkan tangan fleksikan lutut (stabil)

# Lagu Ting-Ting Gula Batu

Tingting gula batu,  
Bunyi loceng pukul satu;  
Mak, mak buka pintu,  
Adik takut burung hantu. 🎵

# PERMAINAN LAGA AYAM

- Dimainkan oleh anak-kanak berumur 10 tahun ke atas.
- Permain diuji kekuatan berlaga (berlanggar) antara satu sama lain.
- Bahagian bahu digunakan untuk berlaga.
- Dimainkan di tempat yang rata dan bebas dari benda tajam.
- Kawasan ditanda dengan garisan.

# CARA BERMAIN LAGA AYAM



- Pemain hendaklah bersedia di dalam kawasan yang disediakan.
- Seorang pengadil akan berada di luar kawasan.
- Pemain hendaklah mengangkat 1 kaki ke belakang dan satu tangan memegang kaki tersebut.
- Setelah pemain bersedia, pengadil akan memberikan isyarat dan pemain akan berlaga dengan menggunakan bahu.
- Pemain yang kakinya terjatuh dahulu atau terkeluar dari kawasan akan kalah.
- Pemain yang bertahan dikira pemenang.
- **Tips menang:** Rendahkan badan (stabil)



# TUGASAN GAMBAR



- Lakukan lakuan permainan Ting-ting Gula Batu ATAU Laga Ayam.
- Gambar lakuan anda dan hantar ke Telegram Channel 4 Dinamik.
- Utamakan keselamatan.

# RUMUSAN



Penggunaan strategi yang betul perlu dilakukan untuk mengawal kestabilan dan mengelakkan kaki dari terjatuh.

Jangan Lupa Jawab Kuiz!

# Thank you!

Jumpa di episod yang akan datang!  
Stay safe!

